

# KEBEASAN BERFIKIR DALAM ISLAM

## Islam dan kedudukan akal manusia (oleh Penyambil)

Seorang penulis telah mendatangkan suatu pertanyaan kepada saya berkenaan dengan sampai mana sempadan yang dikehendaki oleh hadis: "Tidak ada agama bagi orang-orang yang tidak berakal". Adakah yang demikian itu dimaksud bahawa semata-mata agama itu dijalankan dengan awal sahaja atau pun ada pula sempadan-sempadannya.

Menurut pendapat saya bahawa yang dituju dengan makusd hadis ini ialah bahawa orang-orang yang tidak sempurna akalnya maka sudah tentu tidak dapat menjalankan agamanya kerana agama itu tidak akan tumbuh bagi orang-orang yang semata-mata tidak berakal (tidak sempurna akalnya).

Mengikut pendapat ini bererti pula bahwa hendaklah ada agama itu kepada orang-orang yang berawal yang boleh berfikir dan memikirkan sesuatu, dan dengan demikian itu pula timbulah beberapa banyak ayat-ayat al-Quran yang menyuruh kita membuka awal kita, menyuruh kita berfikir dan memikirkan segala kejadian-kejadian yang dijadikan Tuhan seupaya dapat kita mengenal dan mengetahui kebesaran dan kekuasaan-Nya.

Sudah jelas dan terang bahawa salah satu daripada asas ajaran junjungan kita Muhammad (SAW) ialah menghargai akal manusia dan melindungi daripada tindasan-tindasan yang harus dilakukan orang atas nikmat Tuhan yang tidak termilai itu. Beliau meletakkan awal pada tempat yang kehormat dan menjadikan awal itu bagi salah satu alat untuk mengenal Tuhan. Bukti-buktinya seperti penyataan-pernyataan yang terbit di dalam


al-Quran "Mengapakah mereka tidak berfikir? "Mengapakah mereka tidak ingat?" "Mengapakah mereka tidak menggunakan akal mereka?".

Manusia disuruh memerhatikan tumbuh-tumbuhan yang hidup kemudian ditanya apa dan siapakah yang menghidup dan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan itu. disuruh memerhatikan api yang menyala dan ditanya siapakah dan apakah yang menyalakannya? Disuruh memerhatikan air hujan yang turun dari langit. Dan ditanya siapakah yang menurunkannya, manusia atau siapa?

Demikianlah seterusnya yang gunanya supaya awal itu digunakan untuk mengenal kebesaran dan kekuasaan Tuhan semesta alam. Sedang disebalik itu Islam memberi pula pertunjuk tentang mana akal boleh digunakan dan tentang mana pula tidak, sebab jika terlalu sangat dijalankan dan digunakan kepada bukan tempatnya sudah tentu akan membawa kepada perkara yang tidak digemari dan menyesatkan diri semata-mata.

Sungguhpun Islam membenarkan akal supaya digunakan tetapi kegunaan akal itu dibatasi olehnya kerana jika tidak dibatasi maka akan merosakkan kepada hal-hal yang mesti diikut dengan diubah oleh orang-orang yang menggunakan "akal merdeka".

Di dalam menjalankan kewajipan-kewajipan agama maka orang-orang Islam adalah diperhatikan supaya menuaikan kewajipan-kewajipannya di dalam sesuatu perkara yang tertentu tidak pula dibenarkan menjalankan akalnya- iaitu di dalam perkara-perkara yang mengenai ibadah.



*Sebuah bangunan yang bersejarah tua di Iskandariah.*

Di dalam menjalankan ibadah tidak boleh tiap-tiap kita menambah atau mengurangi akan apa-apa yang telah ditetapkan oleh Rasulullah (SAW) dan tidak ada pula haq kita menggunakan awal dengan umpamanya mengatakan ini bagus dan molek, ini mulia dan seumpamanya kerana kalau ibadah itu dimasukkan dengan awal dan perasaan maka tentulah ia akan binasa dan rosak.

Contoh yang besar sekali untuk menentukan bahawa awal dan fikiran tidak boleh digunakan di dalam perkara yang mengenai ibadah itu ialah peristiwa yang tersebut di bawah ini:

“Aku tahu bahawa engkau ini satu batu yang tidak memberi mudarat atau manfaat. Dan sesungguhnya, sekiranya tidak aku lihat Rasulullah (SAW) mencium engkau tentu aku tudak cium engkau”- maksud hadis riwayat Bukhārī dan Muslim.

Perkataan yang tersebut di atas ini ialah yang dilafazkan

oleh Sayyidina ‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb tatkala hendak mencium batu Hajar al-Aswad dalam masa menuaikan haji di Mekah.

Kalau digunakan maka sudah tentulah telah terfikir kepada Sayyidina ‘Umar apalah gunanya mencium batu itu sedang batu itu tidak boleh membawa mudarat atau membawa faedah kepada manusia. Juga kalau akal hendak digunakan dalam perkara-perkara yang lain seperti berlari-lari di antara Safa dan Marwah serta lain-lain ibadah haji dan juga lain-lainnya maka sudah tentu hal yang demikian itu tidak dikerjakan kalau digunakan awal. Apakah faedahnya? Demikianlah akal bertanya tetapi kerana ia ibadah maka akal itu tidak dapat digunakan dan sebab itulah tiap-tiap orang di dalam mengerjakan ibadah diperintahkan mengerjakannya sahaja -dengan tidak payah fikir asalkan suruhan salam mengerjakan itu sarih datangnya daripada Allah dan daripada

Rasulullah (SAW) pekerjaan ini tidak ada hak bagi kita menambah atau mengurangi akan sesuatu yang telah ditetapkan itu.

Jadi terang akal itu disuruh gunakan untuk mengenal kebesaran Allah dan kekuasaan-Nya bukan mengenal zat-Nya.

Di dalam menggunakan akal untuk mengenal Tuhan itu pun Rasulullah (SAW) memberi pertunjuk dan peringatan supaya kita jangan melebihi sempadannya seperti sabdanya.

(Maksudnya): “Berfikirlah kamu tentang makhluk Allah, janganlah berfikir tentang zat-Nya.”

Kita disuruh untuk mengenal Tuhan memikirkan segala



Bendera Bangsa-bangsa Bersatu telah dikibarkan bersama-sama dengan bendera merah putih di luar Bangunan Kementerian Luar Negara Republik Indonesia pada hari Perayaan Bangsa-bangsa Bersatu.

kejadian-kejadian yang dijadikan Tuhan, diperbandingkan dengan kekuasaan yang membuatnya supaya dapat kita berfikir dengan seluas-luasnya untuk menggambarkan kebesaran dan kekuasaan sebagaimana yang disuruh oleh al-Quran tetapi kita disuruh menjauhi daripada memikirkan tentang zat Allah. Contoh-contohnya banyak kita melihat langit orang-orang yang telah jadi gila seperti terkenal dengan gila isim kerana ia cuba memikirkan zat Allah  
Subḥānahu wa Ta‘ālā

Juga Rasulullah (SAW) telah memperingatkan kita menjauhi perbahasan-perbahasan yang mengenai perkara-perkara qada’ dan qadar sebagaimana sabdanya (maksudnya): “Apabila orang berbahas masalah qada’ dan qadar maka diamlah kamu.”

Jadi terang kepada kita bahawa akal merdeka kita boleh digunakan di dalam keduniaan sedang untuk mengenal Tuhan hanyalah kepada sempadan-sempadannya kejadian makhluk-Nya (tidak zat-Nya) dan di dalam perkara yang mengenai ibadah maka hendaklah kita bersifat *samī‘nā wa aṭa‘nā* (kami dengar dan kami taat)- yakni tidak boleh di dalam tiap-tiap ibadah yang kita kerjakan itu ditanya mengapa begini begitu asalkan tiap-tiap yang dikerjakan itu disuruh buat oleh Rasulullah (SAW) dan tidak ditegahnya.

Penggal 1 dan 2 siap – sepenggal \$1.20

## ‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb Oleh: ‘Abdullāh Basmeh

Silalah pesan kepada:

Qalam Press Ltd.,

P.O. Box 3031, Singapore.